

HUKUM KANUN LINGGA: WARISAN AGUNG SEJARAH PERUNDANGAN ISLAM DI SARAWAK

ABSTRACT

Please provide an abstract of 150-250 words

This article aims to elucidate the significant legacy of Islamic legal history in Sarawak, particularly the Hukum Kanun Lingga, which served as a reference and legal guide for the Muslim community in Sarawak during the Brunei Sultanate's rule. This study seeks to unravel the historical context and contents of the Hukum Kanun Lingga. This research applied a qualitative approach with an analysis of historical documents and Hukum Kanun Lingga texts. The main sources for this study are the manuscript of Hukum Kanun Lingga and previous studies on the history of Islamic law in Borneo. The findings reveal that the Hukum Kanun Lingga encompasses various legal aspects such as criminal, civil, marriage, economic, evidence, land ownership laws and more based on Islamic Shari'a principles and local customs. According to the study, the Hukum Kanun Lingga not only played an important role in Sarawak's legal history, but it also demonstrates that Islamic Shari'a has been a strong foundation in the formation of Sarawak's justice system. The study also emphasizes the importance of preserving this legal heritage as part of Sarawak's cultural and historical identity. In conclusion, the Hukum Kanun Lingga is a valuable heritage that provides a new narrative in the history of Islamic legal evolution in Sarawak. Comprehensive research needs to be conducted to uncover more information and enhance our understanding of the Hukum Kanun Lingga.

Keywords : Hukum Kanun Lingga, legacy, Islamic law, Sarawak

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan tentang warisan agung sejarah perundangan Islam di Sarawak iaitu manuskrip Hukum Kanun Lingga yang pernah digunakan sebagai rujukan dan panduan undang-undang oleh masyarakat Islam di Sarawak pada era pemerintahan Kesultanan Brunei. Kajian ini bertujuan untuk merungkaikan konteks sejarah dan kandungan Hukum Kanun Lingga. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sejarah dan teks undang-undang. Sumber utama kajian ini adalah manuskrip Hukum Kanun Lingga serta kajian-kajian terdahulu tentang sejarah perundangan Islam di Borneo. Hasil kajian mendapati bahawa Hukum Kanun Lingga mengandungi pelbagai aspek perundangan seperti undang-undang jenayah, sivil, perkahwinan, ekonomi, keterangan, pemilikan tanah dan sebagainya berdasarkan prinsip-prinsip syariah Islam dan adat tempatan. Penemuan kajian ini mendapati bahawa Hukum Kanun Lingga bukan sahaja memainkan peranan penting dalam sejarah perundangan di Sarawak bahkan menjelaskan bahawa syariat Islam telah menjadi asas yang kukuh dalam pembentukan sistem keadilan di Sarawak. Kajian ini juga menegaskan kepentingan memelihara warisan perundangan ini sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan sejarah Sarawak. Kesimpulannya, Hukum Kanun Lingga merupakan warisan agung yang memberikan naratif baharu sejarah perkembangan perundangan Islam di Sarawak. Penyelidikan lanjut perlu dilakukan untuk menggali lebih banyak maklumat dan memperkaya pengetahuan dan pemahaman tentang warisan Hukum Kanun Lingga.

Kata kunci: Hukum Kanun Lingga, warisan, perundangan Islam, Sarawak